

# **TARINAI**

## **TRADISI YANG HAMPIR**

## **DILUPAKAN**

OLEH

FADZIL B. ISHAK

91123603

DIPLOMA SENI REKA TEKSTIL

Kajian Senilukis Dan Senireka

Institut Teknologi MARA

Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tahun 1994/95

# PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah kerana tesis ini berjaya juga disiapkan. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak dan individu yang terlibat :

\* Ibubapa serta keluarga yang sering memberikan dorongan dan nasihat yang amat berguna.

\* Para pensyarah di Jabatan Seni Reka Tekstil.

-Puan Zaliha Shaari ( Ketua Kursus )

-Encik Sulaiman Abd. Ghani,

-Puan Zaharah Osman

-Puan Basitah Taif ( Penasihat )

-Puan Zaliha Zainuddin.

\* Encik Rejab F.I di atas kerjasama yang telah diberikan.

\* Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis terutama Puan Machita dan kakitangan di Bahagian Koleksi Inderra Kayangan, Encik Azhar dan kakitangan di bilik Alat Pandang Dengan ( APD ) di atas sumbangan rakaman pita video Gendang Tarinai.

\* Syed Rizakri, Tunku Lela dan Syaharuddin yang memberikan sokongan yang amat diperlukan selama ini.

\* Rakan-rakan sekelas yang turut memberikan kerjasama dan nasihat.

Semoga Allah menerima usaha-usaha mutu ini. Amin....

## SINOPSIS

Negeri Perlis, begitu popular dengan Tarian Canggungnya dan tidak hairanlah mengapa ianya begitu dikenali. Tetapi disebalik kepopularitian canggung tadi, ramai yang tidak sedar bahkan rakyat di Negeri Perlis sendiri bahawa telah wujud satu tarian lain sebelum wujudnya Tarian Canggung Tarian yang dimaksudkan ialah tarian Tarinai

Mengikut sejarah, tarian ini telah wujud sejak zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Syed Saffi Jamallulail ( 1897 - 1904 ) iaitu semasa perkahwinan anakanda Baginda, Tuanku Raja Syed Alwi pada tahun 1900. Akhirnya tarian istana tersebut begitu popular terutama selepas Tuanku Raja Syed Alwi menaiki takhta pada tahun 1904 dan memerintah sehingga tahun 1943. Zaman ini merupakan zaman kegemilangan tarian tersebut kerana hampir seluruh mukim di negeri ini mempunyai pasukan Tarinai masing-masing .

Tarinai ini dipersembahkan ketika majlis berinai pengantin perempuan manakala penarinya pula terdiri daripada anak-anak muda belasan tahun. Mereka mempunyai kebolehan yang unik iaitu melayahkan badan ke belakang sambil mengutip wang saguhati yang dihamburkan oleh penonton-penonton. Mereka mengutip wang syiling tersebut hanya menggunakan mulut dan inilah keistimewaan tarian Tarinai ini. Tarian ini digandingkan dengan muziknya sehingga sekarang. Majlis berinai pengantin perempuan ketika itu tidaklah lengkap jika

<b>Isi Kandungan</b>	Muka surat
Sinopsis	i
<b>Isi Kandungan</b>	iv
Senarai Gambar dan illustrasi	vi
Senarai Sisipan	vii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar belakang tarian	
1.2 Pengaruh Tarian	
1.3 Asal-usul Tarinai	
<b>BAB 2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TARINAI</b>	10
DI PERLIS	
<b>BAB 3 MOTIF DAN SITUASI PERSEMBAHAN TARINAI</b>	18
3.1 Tradisi Budaya mengeratkan Rakyat dengan Istana	
3.2 Motif persembahan Tarinai	
3.3 Majlis Berinai dan Upacara berinai	
3.4 Persediaan dan peralatan tarinai	
a). Alatalat muzik	
b). Lagu-lagu gendang tarinai	
c). Penari-penari tarinai	

## 1.1 Latar Belakang Tarian

Mengikut E.B Taylor, kebudayaan adalah merangkumi semua aspek di dalam kehidupan manusia termasuklah politik, ekonomi, adat resam dan agama. Oleh itu tarian adalah tidak terkecuali dari salah satu unsur kebudayaan yang perlu dititik-beratkan oleh semua pihak andainya ia ingin diketengahkan sebagai kebanggaan masyarakat.

Tarian merupakan suatu unsur kehidupan yang memenuhi kehendak hidup manusia dimana jua. Bangsa apa sekalipun di dunia ini mempunyai tariannya masing-masing. Selain dari berhibur tarian juga mempunyai pertalianya dengan magis keagamaan, kesusasteraan, muzik, drama, seni gerak, seni rupa dan sebagainya. Dan ternyata sekali, kalau kita melihat dari kaca mata atau pandangan yang luas dan mendalam bahawa seni tari dalam perkembangannya sejak masa lampau hingga sekarang bersangkut paut dengan kehidupan manusia yang kompleks. 1

Tari adalah seni, walaupun subtansi dasar-dasarnya adalah gerak, tetapi gerak itu bukanlah gerak sehari-hari atau gerak yang " *nutral* ", melainkan gerak yang indah. Dan gerak yang indah itu adalah gerak yang " *distilir* " atau " *ritmis* " . 2

1. Ahmad Omar, "Tarian dan Arah Perkembangannya di Malaysia" dalam Aziz Deraman, Beberapa Aspek Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan Kementerian Kebudayaaa, Belia dan Sukan Kuala Lumpur, 1978, hal 104.
2. Ibid. hlm. 105